# HUBUNGAN PELACURAN - PENGHIJRAHAN: "TARIKAN" ATAU "TOLAKAN"?

HARYATI HASAN


## ABSTRAK

Artikel ini membincangkan hubungkait antara pelacuran dan penghijrahan di Kota Bharu, Kelantan pada tempoh 1960an hingga 1970an. Analisis untuk artikel ini dibuat menggunakan laporan-laporan yang terdapat dalam fail Jabatan Polis (*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan* dan *Pejabat Polis Kuala Krai*). Artikel ini mengupas latarbelakang pelacur khususnya mengenai keturunan, umur dan tempat asal. Tujuan memperkatakan mengenainya bagi menjelaskan sama ada berlaku penghijrahan masuk pelacur-pelacur dari luar atau apakah terdapat penghijrahan keluar pelacur-pelacur Kelantan ke negeri-negeri lain pada tempoh tersebut. Bahagian kedua artikel memperkatakan mengenai kesan tindakan pencegahan. Ini bagi menjawab soalan sama ada penghijrahan keluar mempunyai hubung kait dengan tindakan pencegahan atau sebaliknya terdapat faktor-faktor lain yang mendorong kepada penghijrahan keluar pelacur dari Kelantan dan penghijrahan masuk pelacur luar ke Kelantan. Bahagian akhir pula akan mengupas implikasi daripada tindakan pencegahan terhadap kegiatan pelacuran secara keseluruhannya.


## PENGENALAN

Artikel ini memperkatakan mengenai penghijrahan keluar pelacur dari Kelantan dan penghijrahan masuk pelacur luar ke Kelantan. Tulisan ini meneliti tempoh masa 1960an hingga 1970an yang berdasarkan 'sumber primer' yakni laporan oleh Jabatan Polis pada tempoh tersebut. Tulisan ini diharapkan dapat memberi satu perspektif baru khususnya dari segi penggunaan 'sumber primer' daripada agensi kerajaan yang sebelum ini kurang diberi perhatian oleh pengkaji. Selain itu, pendedahan terhadap tema sosio-ekonomi juga diharap akan menambahkan

lagi tulisan dalam bidang sejarah sosio-ekonomi Malaysia khasnya dan sejarah Malaysia amnya.

Pelacuran bukanlah satu fenomena baru dalam kehidupan manusia.[1] Terdapat berbagai reaksi yang berbeza daripada kalangan masyarakat berhubung dengan kegiatan pelacuran. Ada masyarakat yang menganggap pekerjaan tersebut bukanlah sesuatu yang memalukan,[2] sebaliknya menjadi pelacur merupakan satu perbuatan yang suci dan diberkati.[3] Di samping itu, ada sesetengah negara yang membenarkan kegiatan pelacuran dengan mengenakan beberapa syarat tertentu.[4] Di Malaysia, sebenarnya gejala ini dianggap yang paling terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara di Asia Tenggara mahupun di barat. Ini disebabkan masyarakat kita berpegang kepada prinsip agama. Kalau ada pun, itu merupakan satu kebenaran yang berlesen. Walau bagaimana pun memang terdapat aktiviti pelacuran secara haram di bandar-bandar sama ada yang dapat dikesan atau pun tidak. Gejala ini seolah-olah tidak dapat dihapuskan sama sekali kerana perasaan sesetengah manusia yang ghairah untuk mendapatkannya.

Di negara kita, sukar ditentukan secara tepat mengenai jumlah sebenar mereka yang terlibat dalam bidang ini. Angka-angka yang ada merupakan anggaran sahaja. Namun begitu terdapat banyak faktor yang menyebabkan wanita terjerumus ke lembah pelacuran ini. Antaranya didorong oleh faktor-faktor sosio-ekonomi seperti perceraian, kemiskinan serta masalah pekerjaan. Selain itu sistem nilai dan norma, permintaan dan penawaran, tertipu dan terpedaya serta penguatkuasaan yang lemah merupakan antara faktor-faktor yang menyumbang kepada aktiviti pelacuran secara tidak langsung.[5]

Sementara itu tempat-tempat seperti hotel telah dikesan sebagai salah satu daripada lokasi kegiatan pelacuran dan hotel-hotel di Kota Bharu, Kelantan tidak terkecuali dalam hal ini.[6] Namun begitu dari segi siapa yang melangganinya sangat rumit untuk menganalisis yakni siapa yang mahu atau berkeinginan kepada pelacur atau sebaliknya. Ini disebabkan semua bangsa dan agama di dunia ini melarang melanggani pelacur. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah manusia yang tidak dapat mengikut kehendak agama dan mereka lebih terdorong mengikut kehendak nafsu daripada pertimbangan akal yang waras. Oleh itu tidak menghairankan sama ada warak atau tidak, orang besar atau orang kecil, miskin atau kaya ada yang terjerumus ke lembah ini sama ada disesali kemudian atau tidak. Seolah-olah perkara ini ditentang secara tersurat tetapi tidak secara tersirat atau sesetengahnya cuma suara hati sahaja mengajak untuk tidak mahu terjerumus, walhal hawa nafsu, otak dan akal serta segenap perasaan mendidih

untuk mendapatkannya. Justeru walaupun tindakan undang-undang dikenakan mereka sanggup menyeberang ke sempadan negeri jiran untuk merealisasikan apa yang diingini.

Penghijrahan seperti juga pelacuran bermula dari sejak manusia lahir di muka bumi ini.[7] Hubungkait kedua-duanya dapat diperhatikan daripada faktor-faktor yang menyebabkannya, yakni adanya kuasa "penolak" dan "penarik". Kedua-dua kuasa ini boleh berlaku serentak. Di Kelantan, umpamanya keadaan hidup yang tidak begitu memuaskan, yang menjadikan seolah-olah ada kuasa yang sentiasa menolak-menolak penduduknya untuk keluar ke tempat lain. Kemudian di negeri-negeri pantai barat seperti Kuala Lumpur dan Singapura pula seolah-olah ada kuasa yang menarik penduduk-penduduk Kelantan supaya datang ke situ. Yang demikian maka berlakulah 'internal migration' dari Kelantan ke negeri-negeri pantai barat dan Singapura.[8]

Apakah faktor-faktor yang memungkinkan timbulnya kuasa "penolak" di satu satu kawasan itu. Sebenarnya terdapat banyak perkara yang menimbulkan kuasa ini. Yang paling utama sekali ialah keadaan ekonomi yang merosot yang menyebabkan penduduk-penduduk di situ terpaksa beraleh ke tempat lain yang lebih terjamin ekonominya. Seperkara lagi ialah bila kawasan itu mengalami penduduk yang bertambah dari sehari ke sehari. Jika keadaan ini berlaku maka jalan yang paling senang untuk keluar dengan meninggalkan sahaja tempat itu. Keadaan seperti ini sering berlaku di India, China dan Pulau Jawa. Selain dari itu tekanan-tekanan dalam agama, sosial dan politik kerapkali menimbulkan kuasa penolak tadi. Keadaan-keadaan alam yang boleh membahayakan penduduk-penduduk di situ seperti tempat yang selalu ditimpa gempa bumi turut dikesan sebagai faktor penolak.[9]

Apakah pula perkara-perkara yang boleh menimbulkan kuasa "penarik" ke satu satu tempat itu? Faktor pertama ialah keadaan ekonomi yang baik yang boleh memberi kemewahan dan kemakmuran kepada sesiapa sahaja yang datang ke situ. Keadaan seperti ini memang mudah menarik orang lain untuk menetap terus di situ. Di samping itu mungkin kawasan itu merupakan daerah yang paling selamat daripada malapetaka dan bencana alam atau ia dapat melindungi mereka dari berbagai-bagai tekanan agama, politik dan sosial. Satu perkara lagi ialah keadaan alam yang indah yang sentiasa menjadi penarik kepada penduduk-penduduk dari daerah lain. Sungguh pun begitu, penghijrahan keluar pelacur Kelantan dikesan mempunyai hubungkait atau kerana kesan akibat daripada penguatkuasaan undang-undang yang ketat, selain faktor tarikan di tempat baru.[10]

Jelasnya antara pelacuran dan penghijrahan boleh diibaratkan seperti "aur dengan tebing" yang mempunyai pertalian yang erat satu sama lain. Justeru itu, berasaskan laporan oleh Jabatan Polis Kelantan, tulisan ini menganalisis mengenai hubungan pelacuran-penghijrahan di Kota Bharu, Kelantan di antara 1960an hingga 1970an. Perbincangan cuba menyingkap mengenai latar belakang pelacur, penghijrahan keluar dan penghijrahan masuk serta masalah penguatkuasaan.

## LATAR BELAKANG PELACUR

Memandangkan kepada sifat aktivitinya yang menyimpang daripada norma masyarakat, maka tidak hairanlah jika dokumen mengenai pelacuran tidak banyak yang direkodkan. Kebanyakan pelacur menjalankan aktivitinya secara sulit dan merahsiakan perbuatan mereka. Anggaran bilangan mereka mungkin terbatas kepada bilangan mereka yang mengunjungi rumah-rumah tumpangan yang menjalankan aktiviti secara terang-terangan. Selain itu, rekod-rekod perubatan berhubung dengan pesakit yang menghidapi penyakit kelamin atau *Sexual Transmitted Disease* (STD) *Herpes*, Siflis dan *Gonorrhoea* boleh dijadikan indikator untuk menunjukkan bilangan pelacur.

Berdasarkan laporan oleh *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan* tangkapan yang dibuat terhadap pelacur dari Januari 1972 hingga Disember 1972 berjumlah 339 orang.[11] Laporan yang sama turut menyebut bagi tempoh 1 Januari 1973 hingga 31 Mei 1973 seramai 113 orang pelacur telah ditangkap.[12] Namun begitu perangkaan tersebut, tidak mewakili keseluruhan pelacur yang ada di Kelantan. Pihak polis di dalam kertas kerja yang bertajuk *Brothels and Prostitution in Kelantan* yang bertarikh 4 Disember 1968 telah menyebut bahawa di bandar Kota Bharu sahaja terdapat kira-kira 200 orang pelacur aktif.[13]

Tidak ada perangkaan tepat mengenai jumlah sebenar pelacur yang beroperasi di Kota Bharu. Begitu juga berhubung dengan soal perangkaan mengenai kaum atau keturunan mereka. Menurut laporan Pejabat Polis Kelantan pada tahun 1965 hampir seratus peratus pelacur yang terdapat di Kelantan terdiri daripada wanita Melayu.[14] Pada tahun 1970 pula berjumlah kira-kira 90 peratus.[15] Namun pada tahun 1973, jumlah pelacur Melayu dianggarkan sebanyak 99 peratus.[16]

Berdasarkan perangkaan tersebut bermakna, selain daripada pelacur-pelacur berbangsa Melayu terdapat juga pelacur-pelacur daripada lain-lain kaum. Rekod Jabatan Polis yang bertarikh 4 Disember 1968 menunjukkan ada wanita-wanita berbangsa Thai yang berasal dari Thailand yang menjadi pelacur di Kelantan.[17] Menurut laporan itu, " *Some brothel-keepers also import prostitutes from town of Sungai Golok. These prostitutes are normally accompanied by their so-called "boy-friend"*.[18] Mereka dibawa ke Kota Bharu oleh sindikit-sindikit pelacuran. Salah satu daripada sindikit tersebut didalangi oleh seorang lelaki mualaf berbangsa Cina berusia 31 tahun. Beliau bersama-sama dengan isterinya yang berasal dari Thailand telah membawa masuk wanita-wanita Thai dan menyimpan di rumahnya di Kampung Parit Dalam, Kota Bharu untuk dijadikan pelacur. Pihak polis gagal bertindak, kerana wanita-wanita tersebut dibawa masuk secara sah dengan mempunyai dokumen yang cukup.[19]

Antara tempat yang sering dikaitkan dengan pelacur-pelacur dari Thailand ialah di beberapa buah rumah pelacuran. Di Kampung Sireh misalnya terdapat sebuah rumah pelacuran yang dikelolakan oleh seorang wanita berbangsa Thai yang dikenali sebagai Wee Mek Nga. Beliau mendapatkan pelacur-pelacur dari Sungai Golok, selatan Thailand yang terdiri daripada gadis-gadis Thai.[20] Ada juga laporan yang menyebut bahawa wanita-wanita Thailand dapat dikesani di rumah pelacuran di Jalan Pengkalan Chepa. Pemilik rumah pelacuran berkenaan berusia 35 tahun dari keturunan bukan Melayu.[21]

Mereka datang khusus dari wilayah sempadan Kelantan seperti Sungai Golok, Tak Bai, Pattani dan Cheng Rai.[22] Kebanyakan mereka yang ditangkap berusia antara 15 hingga 25 tahun.[23] Kebanyakan pelacur-pelacur dari Thailand berada di Kota Bharu untuk tempoh yang singkat iaitu sekitar dua minggu sebelum mereka ke bandar-bandar besar yang lain.[24] Dalam erti kata lain Kota Bharu merupakan tempat persinggahan sementara kepada pelacur-pelacur Thai. Selain menjalankan kegiatannya di jajahan Kota Bharu, ada di antara wanita Thai yang menjalankan kegiatan pelacuran di jajahan Tumpat[25] dan Gua Musang.[26]

Selain wanita Thai, terdapat juga pelacur-pelacur daripada kalangan mereka yang berbangsa Cina. Sebuah laporan menyebut pelacur-pelacur berkenaan yang berasal dari Pulau Pinang dan Singapura.[27] Wanita-wanita ini menjalankan kegiatan mereka di hotel-hotel. Salah sebuah hotel yang menjadi tumpuan mereka ialah Hotel Bali yang terletak di Jalan Tok Hakim.[28] Ini kerana penjaga hotel berkenaan, seorang lelaki Cina disebut sebagai dalang yang

membawa masuk wanita-wanita berkenaan dan memberi perlindungan kepada mereka.[29] Daripada laporan-laporan rasmi di dapati bahawa wanita-wanita Cina dari pantai barat turut tertarik dengan prospek kegiatan pelacuran di Kelantan.

Selain dikesan beroperasi di rumah-rumah pelacuran dan hotel-hotel di sekitar Kota Bharu,[30] mereka juga dikesan di beberapa buah jajahan lain seperti Tumpat[31] dan Ulu Kelantan.[32] Di jajahan Ulu Kelantan, misalnya, pihak polis melaporkan sebagai berikut,

> Enam orang gadis Thai dan Cina telah pergi ke Gua Musang untuk menjadi pelacur dan mencari pelanggannya di sana. Mereka ini dibawa oleh seorang laki-laki Cina nama Gan Cheng yang mempunyai rekod jenayah dan memindahkan pelacur ke Gua Musang bagi mengelakkan dari tindakan oleh Ibu Pejabat.[33]

Faktor kejutan pembangunan ekonomi Cina memang telah menjadi kuasa tarikan kepada para pelacur Cina untuk menjalankan kegiatan mereka di sini.[34] Kaum lelaki Cina di sini dikatakan sangat mengharapkan kehadiran wanita Cina sebagai pelacur bagi memenuhi keperluan seks mereka.[35] Tumpuan mereka adalah di hotel-hotel dan hotel Bali misalnya kebanyakan pelanggan di hotel berkenaan dari kaum Cina.[36]

Secara perbandingan jumlah antara pelacur-pelacur berbangsa asing khususnya Cina dan Thai dengan pelacur Melayu adalah masih minimum bilangannya. Namun kehadiran mereka telah mewarnai kegiatan pelacuran di Kelantan khususnya di kawasan sekitar bandar Kota Bharu.

Pemerihalan tentang umur adalah antara perkara yang dianggap penting dalam kegiatan pelacuran. Pada lazimnya dalam kegiatan maksiat ini umur adalah pertimbangan penting selain daripada rupa paras dan bentuk badan yang menarik. Faktor usia muda biasanya mempunyai potensi pasaran yang baik di samping dapat dikelaskan kepada kategori atasan atau kelas satu. Justeru tidak hairanlah jika laporan-laporan yang ada mendapati kebanyakan mereka berada dalam usia tersebut.

Di kalangan pelacur-pelacur Melayu, mereka telah memulakan kegiatannya pada usia muda, yakni seawal usia 14 tahun. Ini dapat diperhatikan daripada kenyataan Wan Kamariah atau Noriah yang berumur 22 tahun pada 1976 yang menyebut, "Bila umur saya meningkat empat belas tahun, saya telah mula menjadi liar. Saya mula mencari jantan dan melacurkan diri."[37] Samalah

halnya dengan pelacur-pelacur berbangsa Thai. Kebanyakan yang ditangkap adalah berusia antara 15 hingga 25 tahun.[38] Namun begitu di kalangan pelacur-pelacur Cina mereka kebanyakannya dalam usia yang lebih matang iaitu antara 27 hingga 40 tahun.[39]

Sungguh pun pelacur-pelacur Melayu, memulakan kegiatannya pada usia muda,[40] namun ada juga yang bermula pada usia yang telah lewat, yakni melebihi 30 tahun. Sebuah laporan menyebut bahawa pelacur-pelacur kelas tiga yang terdapat di Kota Bharu kebanyakannya berusia antara 30 hingga 50 tahun.[41]

## KESAN TINDAKAN PENCEGAHAN: PELACURAN-PENGHIJRAHAN

Kawalan terhadap aktiviti pelacuran telah lama diusahakan oleh pihak MAIK, kerajaan negeri, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Bandaran serta anggota masyarakat. Kawalan yang dimaksudkan meliputi undang-undang, plan tindakan, memorandum, serbuan dan tangkapan, pemulihan, pemantauan dan pendidikan.[42] Tindakan-tindakan pencegahan daripada pelbagai pihak masih gagal membasmi kegiatan pelacuran. Di kalangan pelacur bukan Melayu dari luar Kelantan misalnya telah mengambil kesempatan memasuki negeri tersebut. Namun begitu terdapat beberapa laporan yang menyebut bahawa penguatkuasaan undang-undang yang ketat telah menyebabkan aktiviti pelacuran di Kelantan berkurang.[43] Ini kerana ramai daripada pelacur tempatan khasnya yang masih muda telah berhijrah keluar dari Kelantan.[44] Sebelum memperkatakan lebih lanjut mengenai fenomena pelacuran-penghijrahan, terlebih dahulu diperturunkan perangkaan mengenai penghijrahan penduduk Kelantan dan destinasi mereka ke luar Kelantan

## DISTRIBUSI DAN DESTINASI

Penghijrahan bukan merupakan satu fenomena baru. Pada tempoh 1957-1970 ramai orang Kelantan telah berhijrah keluar dari negeri berkenaan untuk mencari pekerjaan. Seramai 55,700 orang telah berhijrah ke negeri-negeri lain dan melakukan pelbagai pekerjaan.[45] Menurut laporan *Mingguan Kota Bharu*, pada 1967, seramai 25,000 orang telah berhijrah ke Kedah, 10,000-15,000 orang pula telah berhijrah ke selatan Thailand dan antara 3,000-4,000 orang telah menjadi peneroka di beberapa kawasan di luar Kelantan. Mereka yang berhijrah ke Kedah bekerja di sektor menanam padi dengan bekerja memukul padi. Mereka yang ke selatan Thailand pula menjadi penoreh getah, yang lain-lain menjadi peneroka di tanah-tanah rancangan di Temerloh, Mentakab, Kuala Lipis dan Kuantan, Pahang; ke Besut, Kuala Berang, Dungun dan Kemaman di Trengganu.

Ada juga antara mereka yang berhijrah ke bandar-bandar besar dan di sini mereka bekerja sebagai penjaga kedai, penarik beca, pelayan dan ada yang menjadi pelacur.[46]

Selain ke negeri-negeri yang bersempadan dengan Kelantan ramai juga penduduknya yang berhijrah ke negeri-negeri di pantai barat Semenanjung. Ada yang menuju ke Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka dan Johor Bharu.[47] Pada 1970an pula ramai yang memilih untuk berhijrah ke Singapura,[48] selain ke negeri-negeri yang telah disebutkan. Pada tahun 1971-1978 sebanyak 78,384 pasport telah dikeluarkan dan umumnya mereka mengambil pasport pergi ke Singapura untuk bekerja di sana.[49]

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, tidak ada perangkaan tepat mengenai jumlah sebenar pelacur yang beroperasi di Kota Bharu. Begitu juga berhubung dengan soal perangkaan mengenai penghijrahan keluar di kalangan mereka. Angka-angka yang ada hanyalah merupakan anggaran. Menurut kertas kerja yang bertajuk *Brothels and prostitution in Kelantan* yang bertarikh 4 Disember 1968 kira-kira 200 hingga 300 orang pelacur dari Kelantan telah berhijrah ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru dan Singapura.[50] Laporan *Half yearly return on vice* yang bertarikh 30 Jun 1970 pula menyebut, kira-kira 40 peratus daripada pelacur tempatan telah berhijrah ke Trengganu, Pahang dan Selangor.[51] Sementara itu Akhbar *Mingguan Kota Bharu* yang bertarikh 1964 melaporkan terdapat lebih daripada 1000 orang wanita Melayu Kelantan menjadi pelacur dan jumlah ini tidak termasuk mereka yang berada di luar Kelantan.[52]

## FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN BERLAKUNYA PENGHIJRAHAN

### Penghijrahan Keluar

#### i. Pelacur

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong wanita Melayu Kelantan berhijrah keluar. Mencari pekerjaan di luar Kelantan merupakan salah satu daripada faktor tersebut. Dalam keghairahan mengejar dan mencari pekerjaan di luar Kelantan, ada yang tertipu dan terpedaya. Menurut sebuah laporan, pekerjaan di firma-firma *social escort* dan *tourist agency* telah menarik minat ramai gadis. Namun begitu agensi-agensi berkenaan dipercayai menjalankan kegiatan pelacuran.[53]

Salah sebuah daripada firma berkenaan dikenali sebagai *Pink Lady and Tourist Agency* yang terletak di no. 64 Tong Shin Terrace, off Bukit Bintang Road, Kuala Lumpur. Di agensi ini bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan seks gadis pejabat, jurutaip dan jurutrengkas mereka akan dikenakan bayaran sebanyak $50. Sementara itu untuk melakukan perhubungan seks dengan model pula mereka akan dikenakan bayaran sebanyak $100.

Ada juga sindikit pelacuran yang beroperasi di Singapura telah datang ke kampung-kampung dan menawarkan pekerjaan kepada gadis-gadis kampung untuk bekerja di Johor Bharu. Setibanya di sana mereka telah dijual ke rumah-rumah pelacuran di Singapura.[54] Di Singapura, mangsa-mangsa dipercayai telah dibekalkan kepada sebuah motel yang bernama E&S Pleasure House, Mountbatten Road.

Ada juga mangsa yang diperdaya setelah berkahwin. Menurut seorang wanita yang bernama Rodziah binti Mat yang berasal dari Pasir Putih Kelantan, beliau telah berkahwin pada tahun 1970 dengan seorang lelaki yang tidak mempunyai pekerjaan. Tidak berapa lama selepas berkahwin beliau telah dibawa oleh suaminya keluar dari Kelantan. Beliau seterusnya dipaksa melacur di Seremban, Melaka, Singapura, Kuantan dan Mentakab, Pahang sehinggalah beliau kemudiannya berjaya melarikan diri dan balik ke kampung pada tahun 1976.[55]

Walaupun ada yang ditipu, diperdaya dan dipaksa namun ada yang secara sukarela menjadi pelacur di luar Kelantan. Aktiviti mereka itu didorong oleh pelbagai faktor seperti kemiskinan keluarga, kekecewaan dalam perkahwinan dan kerana tiada pekerjaan.[56]

Penghijrahan pelacur Kelantan telah dapat dikesan pada pertengahan tahun 1950an. Laporan *Penyata Jawatan-kuasa Terpileh bagi Mengawal Akhlak* menyatakan,

> Patut juga di-sebutkan di sini iaitu ibu-ibu Melayu Kelantan yang menjadi pelacur itu tidak-lah berleluasa, pekerjaannya dalam negeri ini sahaja bahkan kita boleh dapati mereka itu menjalankan pekerjaan lachor-nya sa-hingga kepada seluroh bandar-bandar yang besar dalam Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.[57]

Pada pertengahan 1960an sehingga 1970an kadar penghijrahan keluar dari Kelantan semakin pesat. Ini mempunyai hubungkait dengan penguatkuasaan undang-undang waktu itu. Menurut laporan *Minutes of the contingent anti-crime committee meeting* penghijrahan pelacur-pelacur dari Kelantan ke negeri-negeri lain kerana penguatkuasaan undang-undang agama Islam yang tegas.[58]

Penghijrahan mempunyai hubungkait secara langsung dengan beberapa tindakan pihak berkuasa yang sering mengadakan serbuan ke hotel-hotel dan rumah pelacuran. Laporan yang bertajuk *Half-yearly return on vice* itu juga ada menyebut hal ini iaitu, "*regular checks of hotels and brothels by police and Majlis Ugama officials have interrupted the one time flourishing business*."[59] Pada pertengahan 1970an pula tempat kegiatan pelacuran yang utama iaitu *Biaritz Park* telah ditutup dan ini memaksa sebahagian daripada mereka ke luar dari Kelantan untuk mencari rezeki di tempat baru.

Faktor permintaan turut mempengaruhi aktiviti pelacuran di luar Kelantan. Wanita Melayu mendapat permintaan yang tinggi di pantai barat kerana majoriti pelacur di sana terdiri daripada wanita berbangsa Cina.[60] Wanita Melayu Kelantan pula terkenal dengan kecantikannyadan telah menjadi buah mulut.[61] Ishak Haji Muhammad di dalam karyanya *Jalan ke-Kota Bharu* menyatakan mengenai wanita Melayu Kelantan, "Kalau mahu melihat perempuan banyak dan cantik-cantik pula perempuan itu, pergilah ke Kota Bharu. Tidak ada yang tidak putih kulitnya, tidak ada yang tidak manis rupa parasnya."[62]

Lazimnya orang yang cantik sering mendapat perhatian. Permintaan yang tinggi ke atas wanita Melayu Kelantan mempunyai perkaitan yang rapat dengan rupa parasnya. Menurut *Minutes of the contingent anti-crime committee meeting*, "*The ones that are adventurous move out of Kelantan and operate in other state. Kelantan beauties find a ready market else where, in fact anywhere*."[63]

Laporan *Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee*, pula menyebut bahawa penghijrahan pelacur-pelacur dari Kelantan ke negeri-negeri lain kerana, "*It is to be noted that Kelantan prostitutes are in good demand in other states capital for their good service*."[64]

Kecantikan dan perkhidmatan memuaskan merupakan dua elemen penting mengapa pelacur dari Kelantan mendapat pasaran yang baik di negeri-negeri di Pantai Barat. Selain faktor pasaran, tarikan sosial, di Pantai Barat tidak boleh tidak, turut mempengaruhi pelacur-pelacur dari Kelantan untuk berhijrah. Peluang

mendapat pasangan yang "baik" misalnya terbuka luas kepada wanita Kelantan apabila mereka berhijrah. Hal ini diperjelaskan oleh petikan berikut:

> Mek-mek di Kelantan sudah terkenal cantik dan ramai pula yang tersebar ke luar negeri menjual darah dan daging. Di samping menjalankan perbuatan-perbuatan haram dan dikutuk Tuhan, tapi tidak pula meninggalkan puasa dan sembahyang, terutama puasa. Tegasnya walaupun mereka pelacur, tetapi mereka juga sembahyang dan puasa dan mengeluar fitrah. Lumrahnya kebanyakan pelacur dari Kelantan yang ada parasnya, akan mendapat pasangan-pasangan yang "baik" terutama bila mereka berdagang di luar negeri.[65]

**ii. Orang Tengah**

Kesan penguatkuasaan undang-undang yang ketat bukan sahaja mempengaruhi pelacur untuk berhijrah sebaliknya kalangan orang tengah juga ada yang berbuat demikian. Tindakan tegas seperti menghukum *ibu atau bapa ayam* dengan hukuman denda seperti penjara dan menghadkan kediaman sedikit sebanyak telah menakutkan mereka untuk beroperasi di tempat lama dan secara terbuka. Mereka mengambil inisiatif berhijrah keluar dari Kelantan.

Khatijah binti Zainal yang merupakan isteri kepada anggota tentera dan ibu kepada dua orang anak perempuan berusia lebih kurang sembilan dan sepuluh tahun misalnya telah berhijrah ke Kampung Apal Kuala Trengganu dan membuka rumah pelacuran di sana.[66] Beliau merupakan seorang bekas penari di *Biaritz Park* Kota Bharu serta pernah menjadi *ibu ayam* di Belakang Kota, Kota Bharu. Memandangkan keadaan yang tidak mengizinkan beliau meneruskan aktiviti di tempat lama, beliau akhirnya membuat keputusan mencuba nasib berhijrah keluar dari Kelantan.

Ada orang tengah yang kerap memindahkan pelacur di bawah jagaan mereka dari satu tempat ke satu tempat. Abdullah bin Mamat atau Dollah Kerenteng yang berasal dari Kelantan misalnya telah memaksa isteri dan beberapa orang wanita lain untuk melacur di beberapa tempat seperti Kuantan, Seremban, Melaka, Singapura dan Mentakab Pahang.[67]

Selain Abdullah pihak polis turut mendedahkan mengenai aktivti beberapa orang lagi lelaki yang berasal dari Kelantan yang telah dikenalpasti

bergiat sebagai "pelindung perempuan pelacur" di Mentakab dan Temerloh. Ke semua mereka telah berkahwin dan berusia antara 22 hingga 32 tahun. Salah seorang daripada lelaki berkenaan bernama Mohd. Nor bin Che Mat atau Mohd Nor Che Ngah yang berusia 32 tahun, berasal dari Pulau Chondong. Mohd Nor merupakan seorang yang digeruni oleh penduduk di kampungnya kerana mempunyai rekod kesalahan jenayah. Beliau dikatakan pernah mencuri dan memukul orang. Di dalam menjalankan kegiatannya sebagai orang tengah beliau turut dibantu oleh kedua-dua orang isterinya.[68]

Mereka mempunyai alasan tersendiri kenapa perlu memindahkan pelacur dari satu bandar ke satu bandar yang lain atau dari satu negeri ke negeri yang lain. Sebab yang paling utama sekali adalah kerana mereka cuba mengelakkan kecurigaan bahawa mereka bergantung hidup kepada hasil pelacuran. Selain itu mereka juga ingin memastikan agar pelacur-pelacur tersebut tidak dapat menemui jalan untuk pulang ke rumah. Penghijrahan juga perlu, bertujuan untuk mengekalkan atau menjaga pelanggan secara terus menerus.[69]

### iii. Pelanggan

Kesan penguatkuasaan undang-undang yang ketat bukan sahaja mempengaruhi pelacur dan orang tengah untuk berhijrah sebaliknya kalangan pelanggan juga ada yang berbuat demikian. Sungai Golok, sebuah pekan yang terletak di selatan Thailand menjadi destinasi untuk mencari hiburan kepada sebahagian besar pengemar hiburan. Menurut laporan *Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee*, "*the scarcity of local prostitutes will drive the male customers going to Golok for fun thereby draining away our currency into Thailand*".[70]

Sebuah laporan lain pula menyebut kegiatan pelacuran di jajahan Pasir Mas hampir-hampir tiada kerana kebanyakan lelaki berkunjung ke Sungai Golok. Ini kerana di sana terdapat banyak kelab-kelab malam dan hotel, sementelah mempunyai hiburan yang lebih baik dan terletak bersempadan dengan jajahan berkenaan.[71] Selain daripada itu, pelacur-pelacur di sana yang di anggap lebih istimewa dari tempat-tempat lain di negeri ini terutama tentang kejelitaan, harga dan umurnya serta berbagai-bagai keistimewaan lagi.[72] Laporan lain pula menyebut bahawa ada dua faktor mengapa kegiatan pelacuran di Kelantan berkurangan. Pertama disebabkan tentangan yang keras dan berkesan oleh badan mencegah maksiat dan polis tempatan. Kedua, Negeri Kelantan berhampiran dengan Sungai Golok, Thailand dan ke sanalah penduduk Negeri Kelantan dan juga dari Pantai Barat pergi memuaskan nafsu seks serta bersukaria. Menurut

laporan itu lagi pelacur-pelacur di Sungai Golok semuanya muda-muda belaka lagi pula harganya murah serta keselamatan daripada tangkapan terjamin.[73]

Lelaki-lelaki yang berkunjung ke sana terdiri daripada anak-anak muda yang telah rosak akhlaknya atau yang tergolong daripada pemuda-pemuda yang diistilahkan sebagai "budak-budak yang tidak terpakai." Namun begitu, ini tidak bermakna pula golongan-golongan berpengaruh atau lelaki-lelaki yang telah berkeluarga terkecuali, kerana laporan yang sama menyebutkan bahawa, "...tetapi yang benar-benar mendukacitakan kita ialah adanya mereka-mereka yang dianggap penting dan bertanggungjawab kepada negeri ini pun sering mengunjungi ke sana sambil membeli alat-alat perabot kononnya." Mereka ini telah digelarkan sebagai "ayam-ayam dari Kelantan" oleh kebanyakan penduduk di Sungai Golok khasnya. Istilah ini adalah hina sekali bagi mereka di sana.[74]

Walau pun masyarakat di Sungai Golok memandang hina mengenai "ayam-ayam" dari Kelantan, namun berlainan halnya dengan pemuda-pemuda tadi. Mereka akan menjadi begitu megah dan bangga sekali apabila dapat melakukan kerja-kerja terkutuk di sana. Ini kerana, mereka akan dianggap sebagai "pondan" oleh kawan-kawan sekiranya telah mencapai umur 20 tahun tetapi tidak pernah ke sana.[75]

**Penghijrahan masuk**

Pelacur berbangsa Melayu dan beragama Islam ramai yang berhijrah keluar akan tetapi pelacur yang bukan beragama Islam pula berhijrah masuk ke Kelantan. Mereka mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pelacur Melayu. Pada pertengahan tahun 1960an pelacur-pelacur berbangsa Cina telah dikesan beroperasi di hotel-hotel di Kota Bharu.[76] Salah sebuah hotel yang menjadi tumpuan mereka ialah hotel Bali yang terletak di Jalan Tok Hakim. Mereka juga ada yang beroperasi di Ulu Kelantan khasnya di kawasan yang mempunyai petempatan orang Cina.[77] Pemilik beberapa buah rumah pelacuran yang terkenal di jajahan Kota Bharu juga sebahagian daripadanya terdiri daripada mereka yang berbangsa Cina.[78] San Chang Cheng misalnya telah mengusahakan sebuah rumah pelacuran yang *established* di Jalan Che Kadir yang merupakan kawasan terkenal sebagai sarang pelacuran sejak sebelum perang Dunia Kedua lagi. Di kawasan berkenaan, terdapat ramai pelacur dari kalangan kategori kelas tiga. Pelanggannya pula terdiri daripada penarik-penarik beca berbangsa Cina yang merupakan penagih-penagih candu. Begitu juga halnya dengan pengusaha beberapa buah kelab malam yang terkenal.[79]

Pelacur-pelacur dari Thailand pula telah dikesan pada pertengahan tahun 1970an. Warganegara Thailand yang menjadi pelacur tidak dapat dikenalpasti dengan tepat mengenai latar belakang bangsa mereka iaitu apakah mereka berbangsa Melayu atau berbangsa Thai. Ini kerana tidak ada penerangan yang jelas mengenainya. Walaupun begitu, kebanyakan mereka berusia dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun. Mereka bertumpu di beberapa buah lokasi di jajahan Kota Bharu. Antara tempat-tempat tersebut ialah di Kampung Parit Dalam, di Jalan Kampung Sireh dan di Jalan Pengkalan Chepa.[80] Mereka juga dikesan di jajahan Tumpat[81] dan Gua Musang.[82] Mereka memiliki dokumen perjalanan yang sah, berada dan beroperasi di Kota Bharu untuk tempoh yang singkat iaitu tidak melebihi dua minggu dan kemudiannya kembali ke Thailand.[83]

Dalam situasi yang lain, ada di kalangan pelacur dari Thailand, dibawa masuk melalui agen-agen penganjur maksiat dari kedua-dua negara. Hal ini dilakukan sama ada secara haram atau tidak.[84]Ada pelacur Thai yang menjadikan Kota Bharu sebagai transit sebelum meneruskan operasi mereka ke luar Kelantan.[85]

**Masalah penguatkuasaan**

Kemasukan pelacur bukan Melayu menimbulkan masalah dari segi penguatkuasaan kerana tiadanya undang-undang bertulis yang menyeluruh yang boleh dikenakan ke atas ke semua anggota masyarakat. Undang-undang Islam (undang-undang mencegah maksiat) yang dikuatkuasakan oleh Pejabat Agama hanya ke atas orang Islam sahaja. *Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973* juga mempunyai kelemahan iaitu cuba menghalang pelacuran tetapi hanya boleh dikuatkuasakan ke atas gadis-gadis yang berumur kurang dari 21 tahun, orang yang meniagakan wanita[86] dan ke atas orang-orang yang hidup di atas hasil pelacuran orang lain.[87] Ia tidak mempunyai kuasa ke atas wanita-wanita yang berusia lebih dari 21 tahun atau yang bersuami[88] (walau pun berumur kurang dari 21 tahun ) atau ke atas orang yang hidup di atas hasil pelacuran sendiri.

Pihak polis menghadapi kesukaran mengesan dan menangkap pelacur dari Thailand kerana mereka biasanya beroperasi di dalam jangkamasa yang agak singkat.[89] Mereka pula diberi perlindungan oleh penduduk tempatan yang berada di sempadan. Pelacur dari Thailand yang akan dihantar ke Kuala Lumpur akan menyeberangi Sungai Golok pada waktu malam. Sementara menunggu hari siang mereka diberi perlindungan oleh penduduk tempatan di pekan Rantau Panjang, Kelantan. Ada juga penduduk tempatan yang

menyampaikan maklumat awal mengenai pemeriksaan pihak polis ke tempat-tempat pelacuran. Oleh itu apabila pihak polis membuat tangkapan mereka telah gagal kerana pelacur-pelacur berkenaan telah lari dari situ.

Apa yang boleh dilakukan ialah menyerahkan mereka yang telah ditangkap kepada pihak imigresen untuk diambil tindakan. Sebagai contoh, terdapat kes-kes di mana dua orang wanita telah ditangkap pada 27 April 1974 dan salah seorang daripada mereka dipercayai warganegara Thailand. Wanita berkenaan kemudiannya telah diserahkan kepada pihak imigresen untuk dihantar kembali ke negeri asalnya.[90]

Memandangkan kebanyakan daripada mereka menjalankan aktiviti seperti di tempat-tempat yang tersembunyi maka sukarlah bagi pihak penguatkuasa untuk mengesan aktiviti tersebut. Lebih-lebih lagi, mereka didalangi oleh sindikit-sindikit pelacuran yang terdiri daripada lelaki tempatan. Selain itu ada juga di kalangan mereka yang memasuki negara ini dengan memiliki dokumen perjalanan yang sah. Sementara itu pelacur-pelacur asing yang telah ditangkap, tidak akan didakwa sebaliknya mereka akan dihantar pulang ke negara asal. Sepanjang tempoh penahanan pihak penguatkuasa akan menghadapi pelbagai kesulitan. Daripada aspek bahasa misalnya mereka sukar berkomunikasi kerana tidak tahu berbahasa Melayu dan pihak penguatkuasa juga menghadapi masalah kerana tidak ada kakitangan yang berkemahiran dalam bahasa asing.[91]

Sungguhpun pelacur Melayu memilih untuk berhijrah keluar Kelantan, namun ada yang meneruskan aktiviti tersebut di tempat asal. Pelacur Kelas Tiga yang berumur antara 30 hingga 50 tahun misalnya masih meneruskan aktiviti berkenaan. Mereka tidak takut akan tindakan undang-undang. Bagi golongan ini, pelacuran merupakan pekerjaan untuk menyara kehidupan mereka. Ada di antara mereka yang telah menceburi lapangan ini sejak usia belasan tahun dan mengecapi kedudukan sebagai Pelacur Kelas Dua sehinggalah dimamah usia dan mengalami kemerosotan harga.[92] Ada juga yang mewariskan aktiviti kepada anak cucu. Golongan-golongan ini banyak beroperasi di tempat-tempat di Lorong Gelap seperti Lorong Tuar atau Lorong Che Kadir dan di Belakang Kota. Di bekas Tapak *Biaritz Park* masih terdapat saki baki golongan ini.[93]

Pada pertengahan tahun 1970an *Biaritz Park* telah ditutup. Ini menyebabkan ada juga di kalangan pelacur yang berhijrah tempat kerja dari *Biaritz Park* ke kelab-kelab malam. Setelah penutupan tempat tersebut, kegiatan

pelacuran masih berlaku di beberapa tempat yang tertutup ini termasuklah di kelab-kelab malam.

Ada juga yang mula mencari pelanggan di tempat-tempat seperti di Lorong Che Kadir dan Belakang Kota yang suatu masa dulu pernah menjadi tumpuan pelacur kelas tiga. Tempat tersebut terkenal sebagai sarang pelacuran dan bagi golongan ini tidak sukar mencari pelanggan di sana kerana mereka sudah saling mengenali antara satu sama lain.[94] Justeru, penghijrahan tempat bukanlah penghalang kepada mereka untuk mendapatkan pelanggan dan perhubungan seksual yang menyeronokkan itu mengatasi segalanya.[95]

Menurut Abdul Hadi Zakaria,

> "Lelaki telah dihiasi dengan cinta syahwat terhadap wanita. Sementara wanita tertarik kepada lelaki sama ada kerana lelaki itu adalah satu *sexual object* mahupun kerana barang-barang bukan seksual yang boleh diberi oleh lelaki. Wanita-wanita *promiscous* melihat lelaki sebagai satu objek seksual dan majoriti pelacur melihat lelaki sebagai satu sumber pendapatan dan sebahagian lain melihat lelaki sebagai sumber pendapatan dan juga objek seksual. Dalam keadaan suka sama suka inilah banyak kes-kes khalwat dan persetubuhan haram dilakukan."[96]

## KESIMPULAN

Penguatkuasaan undang-undang yang ketat oleh beberapa agensi kerajaan telah meninggalkan kesan positif dan negatif. Dari segi pelacur itu sendiri, ada yang berhijrah keluar dari Kelantan ke negeri-negeri lain dan ada yang meneruskan kegiatan di Kelantan. Penghijrahan biasanya berlaku di kalangan pelacur-pelacur yang masih muda, atas inisiatif orang tengah atau usaha pelacur itu sendiri. Penghijrahan mempunyai hubungkait yang rapat dengan faktor tarikan di tempat baru dan faktor tolakan di tempat lama. Penghijrahan masuk di kalangan pelacur dari luar pula sukar dihalang kerana tiada undang-undang yang boleh mendakwa mereka yang bukan berugama Islam. Justeru, penguatkuasaan undang-undang yang tegas bukanlah penyelesaian kepada masalah pelacuran di Kelantan. Mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Ini termasuklah mengatasi masalah kemiskinan, mengurangkan kadar perceraian, memperbanyakkan peluang pekerjaan serta menanamkan kefahaman dan penghayatan sebenar tentang Islam selain mengutamakan kebajikan dan kepentingan kaum wanita.

## BIBLIOGRAFI

### Sumber Primer

*Mingguan Kota Bharu*. "Masalah-masalah ekonomi Kelantan perlu diatasi". 18 Oktober 1969.
*Mingguan Kota Bharu*. "Kenapa wanita-wanita Kelantan banyak menjadi pelacur". 2 March 1968.
*Mingguan Kota Bharu*. "Kelantan negeri terbalik kot!". 10 Mei 1969.
*Mingguan Kota Bharu*. "Melancong ke Golok "Alih rasa". 8 Oktober 1966.
*Pejabat Menteri Besar Kelantan, MB.KN (0) 307*. "Kajian sosio-ekonomi penarik beca di Kelantan".
*Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan. L.A.T. 2/54/J/15*. "Prostitution in Kelantan: Penyata Jawatan-kuasa Terpileh bagi Mengawal Akhlak". 5 Disember 1956.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (1)*. "Maksiat".
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*. "Vice/brothels". 1 Januari 1970 hingga 30 Jun 1970".
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*. "Pelacur". 1 Februari 1970.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR35/41(1)*. "Half-yearly return on vice". 30 Jun 1970 dan 14 September 1970.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*. "Vice/brothels". 26 Ogos 1970.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (1)*. "Laporan maksiat/pelacuran di Kelantan", Mac 1973.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (1)*. "Laporan Maksiat Negeri Kelantan mulai bulan Januari 1972 hingga 31 Mei 1973".
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Social-Escorts-Tourist Agencies", 11 April 1973.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Maksiat". Jun 1973.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Pelacuran". 7 Februari 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan*. PR 35/41 (1). "Pelacur-pelacur dari negara luar Malaysia". 8 Mei 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*. "K. Bharu RPT: 570/74". 7 March 1974 dan 16 April 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*. "Maksiat/Pelacuran", 23 Mei 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(1)*, "Perempuan di bawah umur diselamatkan dari rumah pelacuran". 27 Mei 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (1)*. "Ops Bilis", 10 Ogos 1974.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (1)*. "Vice in Kuala Lumpur".
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*. "Sindikit Pelacuran". 21 March 1975.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Penyiasatan di atas taukeh lombong". 5 Februari 1978.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Pelindung Perempuan pelacur". 30 Jun 1976.
*Pejabat Polis K ontinjen Kelantan. PR 35/41 (2)*. "Kertas butir-butir penyiasatan"..8 Julai 1976.

*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Perlindungan perempuan pelacur". 20 Julai 1976.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Pelindung Perempuan pelacur".10 Ogos 1976.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(2)*. "Percakapan dalam pemeriksaan". 20 Oktober 1976.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41 (2)*. "Penganjuran rumah pelacuran di kampung Apal". 4 Oktober 1977.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(*2). "Anti vice-place of assignation". 25 Februari 1978
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(*2). "Kegiatan pelacuran di Kota Bharu"13 March 1978.
*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan. PR 35/41(*2). "Maksiat/Pelacuran". 8 April 1978.
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*. "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting" 2 Oktober 1965.
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan:Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan". 4 Disember 1968.
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*. "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution". 23 Januari 1969.
*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*."Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution". 6 March 1969.
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*. "Mencegah pelacuran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no. 7". 7 September 1969.
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*. "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970
*Pejabat Polis Kuala Krai. SR 35/41*. "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 11", 18 Mei 1970 .
*Pejabat Polis Kuala Krai SR 35/41*. "Half-yearly return on vice," 30 Jun 1970 dan 11 September 1970.

**Sumber Sekunder**

Abdul Hadi Zakaria. 1980. *Pelacur dan pelacuran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan.
Andaya, B.W. & Leonard.Y. 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Mac Millan.*Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 (Akta 106).S. 19(1); S. 8(6)* dan *S.16(1)*.
Clifford, H., A Journey through the Malay State of Trengganu and Kelantan. Dlm. *The Geographical Journal* ***IX***, 1874, hlm. 33. Lihat juga A. Rentse, History of Kelantan.Dlm. *JMBRAS* **12**(2), 1934, hlm. 44-62.
Haryati Hasan. 2004. "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an", Bangi : Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Haryati Hasan, "Malay Women and Prostitution in Kota Bharu, Kelantan, 1950s-1970s", *JMBRAS* **LXXVIII** (1), 2005, hlm. 110-116.
Ishak Haji Muhammad. 1956. *Jalan ke Kota Bharu*. . Singapura: Qalam.
Ishak Sha'ri. 1992. *Pembangunan dan kemunduran perubahan ekonomi luar bandar di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

James, J., "Prostitutes and Prostitution" 1977. dlm. Edward Sagarin dan Fred Montanino (pnyt.). *Deviants Voluntary Actors in a Hostile World.* Morribtown. New Jersey : General Learning Press.
Julian, J., 1980. *Social Problems*, Ed. Ke-3. New Jersey: Prentice-Hall.
Mc Gee, T.G., "Population: A Preliminary Analysis". *Malaysia: A Survey*. London: Frederick A Preager.
Scott, G.R. 1996.*The History of Prostitution.* United Kingdom: Senate Press Limited.
Sanger, W.W. 1939. *The History of Prostitution*. New York: Eugenics.

## NOTA AKHIR

[1]J. Julian, *Social Problems*, Ed. Ke-3., Prentice-Hall, Inc., New Jersey, 1980, hlm. 93.

[2] G.R. Scott, *The History of Prostitution*, Senate Press Limited, United Kingdom, 1996, hlm. 15-16.

[3]W.W. Sanger, *The History of Prostitution*, Eugenics Publishing Company, New York, 1939, hlm. 422.

[4]James, J., "Prostitutes and Prostitution" dlm. Edward Sagarin dan Fred Montanino (pnyt.). *Deviants Voluntary Actors in a Hostile World*, General Learning Press, Morribtown, New Jersey, 1977, hlm. 369.

[5]Haryati Hasan, "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an", Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004, hlm. 114-139.[6]Ibid., hlm. 161-170.

[7]T.G. Mc Gee, "Population: A Preliminary Analysis", *Malaysia: A Survey*, Frederick A Preager, London, hlm. 69-72.

[8] Haryati Hasan, "Wanita Kelantan dan Pelacuran", hlm. 133.

[9]B.W. Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Mac Millan, Petaling Jaya, 1983, hlm. 159.

[10]Haryati Hasan, "Wanita Kelantan dan Pelacuran", hlm. 199-229.

[11]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)* , "Laporan Maksiat Negeri Kelantan mulai bulan Januari 1972 hingga 31 Mei 1973" dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Maksiat".

[12]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Laporan Maksiat Negeri Kelantan mulai bulan Januari 1972 hingga 31 Mei 1973".

[13]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and Prostitution in Kelantan: Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 7.

[14]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 1965, hlm. 1.

[15]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR35/41(1)*, "Half-yearly return on vice", 30 Jun 1970 dan 14 September 1970.

[16]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, Mac 1973, "Laporan maksiat/ pelacuran di Kelantan", Mac 1973.

[17]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 6.

[18] Ibid.

[19]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Kegiatan pelacuran di Kota Bharu", 13 March 1978; *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Penyiasatan di atas taukeh lombong", 5 Februari 1978 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Anti vice-place of assignation", 25 Februari 1978.

[20]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970.

[21] *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "OPS Bilis", 10 Ogos 1974.

[22]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Half-yearly return on vice", 30 Jun 1970 dan 14 September 1970 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/ 41(1)*, "Maksiat/Pelacuran", 23 Mei 1974.

[23]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)* , "Vice/brothels returns from 1 January 1970 to 30 Jun 1970" dan*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*, "Vice/brothels", 26 Ogos 1970, hlm. 1.

[24]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)* "Half-yearly return on vice", 30 Jun 1970 dan 14 September 1970

[25] *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Maksiat/Pelacuran", 8 April 1978.

[26]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Pelacur", 1 Februari 1970.

[27]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 23 Januari 1969, hlm. 3.

[28]Ibid., hlm. 3.

[29]Ibid., hlm. 4.

[30]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*,"Ops Bilis", 10 Ogos 1974 dan *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 23 Januari 1969, hlm. 3.

[31]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*,"Ops Bilis", 10 Ogos 1974.

[32]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/ 41(1)*,"Pelacur", 1 Februari 1970.

[33]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*,"Pelacur", 1 Februari, 1970.

[34]Sejak sebelum Perang Dunia Kedua, terdapat beberapa pekan di bahagian Ulu Kelantan menjadi tumpuan bangsa Cina antaranya ialah Pulai yang merupakan sebuah pekan utama bagi daerah Galas. Komuniti Cina juga terdapat di bahagian Sungai Pergau. Lihat H. Clifford, A Journey through the Malay State of Trengganu and Kelantan. Dlm. *The Geographical Journal* ***IX***, 1874, hlm. 33. Lihat juga A. Rentse, "History of Kelantan". Dlm. *JMBRAS* **12**(2), 1934, hlm. 44-62.

[35]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 23 Januari 1969, hlm. 3.

[36]Ibid.

[37]Wanita tersebut telah ditahan di penjara Pengkalan Chepa, Kelantan kerana selain melacur beliau juga merupakan seorang penagih dadah. *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*, "Percakapan dalam pemeriksaan", 20 Oktober 1976, hlm. 1.

[38]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*, "Vice/brothels returns from 1 January 1970 to 30 Jun 1970" dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/ 41(1)*,"Vice/brothels", 26 Ogos 1970, hlm. 1.

[39]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 23 Januari 1969, hlm. 2.

[40]*Penyata Jawatan-kuasa Terpileh bagi Mengawal Akhlak*, mendapati kebanyakan wanita yang terjerumus ke dunia pelacuran adalah mereka yang berumur antara 15 hingga 25 tahun. *PPUUNK, L.A.T. 2/54/J/15*, "Prostitution in Kelantan: Penyata Jawatan-kuasa Terpileh bagi Mengawal Akhlak", 5 Disember 1956, hlm. 2.

[41]Ibid.

[42]Haryati Hasan, "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an", Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2004, hlm. 119-243.

[43]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR35/41*, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 1965, hlm. 1: *Pejabat Polis Kuala Krai SR 35/*41, "Half-yearly return on vice", 30 Jun 1970 dan 11 September 1970 dan *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 7.

[44]*Mingguan Kota Bharu*, "Kenapa wanita-wanita Kelantan banyak menjadi pelacur", 2 March 1968, hlm. 6. dan *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 7.

[45]Ishak Sha'ri, *Pembangunan dan kemunduran perubahan ekonomi luar bandar di Kelantan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 192.

[46]*Mingguan Kota Bharu*,"Masalah-masalah ekonomi Kelantan perlu diatasi", 18 Oktober 1969, hlm. 5-6.

[47]Ibid.

[48]*Pejabat Menteri Besar Kelantan, MB.KN (0) 307*, "Kajian sosio-ekonomi penarik beca di Kelantan".

[49]Ibid.

[50]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas Kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 7.

[51]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Half-yearly return on vice", 30 Jun 1970 dan 14 September 1970

[52]*Mingguan Kota Bharu*, "Kenapa wanita-wanita Kelantan banyak menjadi pelacur", hlm. 6.

[53]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Vice in Kuala Lumpur", hlm. 1 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (2)*, "Social-Escorts-Tourist Agencies", 11 April 1973.

[54]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(*2), "Kegiatan pelacuran di Kota Bharu", 13 March 1978. Lihat juga, *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(*2), "Anti vice-place of assignation", 25 Februari 1978 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*, "Penyiasatan di atas taukeh lombong", 5 Februari 1978.

[55]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*, "Pelindung Perempuan pelacur", 30 Jun 1976 dan 10 Ogos 1976.

[56]Haryati Hasan, "Malay Women and Prostitution in Kota Bharu, Kelantan, 1950s-1970s", *JMBRAS*,**1** (LXXVIII), 2005, hlm. 110-116.

[57]*PPUUNK, L.A.T. 2/54/J/*15, "Prostitution in Kelantan: Penyata Jawatan-kuasa Terpileh bagi Mengawal Akhlak", 5 Disember 1956, hlm. 2.

[58]*Pejabat Polis Kuala Krai*, SR *35/41*, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 1965, hlm. 1.

[59]Ibid.

[60]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*,"Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 2.

[61]Ibid.

[62]Ishak Haji Muhammad, *Jalan ke Kota Bharu*, Qalam, Singapura, 1956, hlm. 50.

[63]*Pejabat Polis Kuala Krai*, SR 35/41, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 1965, hlm. 1.

[64]*Pejabat Polis Kuala Krai,SR 35/41*,"Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 6 March 1969, hlm. 4.

[65] *Mingguan Kota Bharu*, "Kelantan negeri terbalik kot!", 10 Mei 1969, hlm. 7.

[66]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR35/41 (2),*"Penganjuran rumah pelacuran di kampung Apal", 4 Oktober 1977.

[67]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)* "Pelindung perempuan pelacur", 30 Jun 1976 dan 10 Ogos 1976.

[68]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*, "Perlindungan perempuan pelacur", 20 Julai 1976, hlm. 1-2.

[69]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Brothels and prostitution in Kelantan: Kertas kerja Polis Di raja Malaysia Kelantan", 4 Disember 1968, hlm. 3.

[70]*Pejabat Polis Kuala Krai,* SR 35/41, "Minutes of the 3rd meeting of the contingent planning committee held on brothels and prostitution", 6 March 1969, hlm. 4.

[71]*Pejabat Polis Kuala Krai,*SR 35/41, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 65, hlm. 2.

[72] *Mingguan Kota Bharu,*"Melancong ke Golok "Alih rasa", 8 Oktober 1966.

[73] *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1),* "Maksiat", Jun 1973.

[74] *Mingguan Kota Bharu* ,"Melancong ke Golok "Alih rasa", 8 Oktober 1966.

[75]Ibid.

[76]Sila lihat,*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the 2nd meeting of the contingent planning committee on brothels and prostitution", 23 Januari 1969, hlm. 3.

[77]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*, "Pelacur", 1 Februari 1970.

[78]Sila lihat, *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Minutes of the contingent anti-crime committee meeting", 2 Oktober 1965, hlm. 2.

[79]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(1)*, "Laporan maksiat Negeri Kelantan mulai bulan Januari 1972 hingga 31 Mei 1973.

[80]Sila lihat, *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Mencegah pelacuran-minit perancangan jawatankuasa kontinjen no. 7", 7 September 1969, hlm. 1; *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran- perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970, hlm. 1 dan *Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 11", 18 Mei 1970, hlm. 1. Lihat juga, *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1),* "Ops Bilis", 10 Ogos 1974.

[81] *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2)*,. "Maksiat/pelacuran", 23 Mei 1974.

[82]*Pejabat Polis Kuala Krai, SR 35/41*, "Pelacuran-perancangan Kelantan kontinjen no. 10", 5 April 1970, hlm. 1 dan *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/ 41(1)*, "Pelacur", 1 Februari 1970.

[83] *Pejabat Polis Kontinjen Kelantan,PR 35/41(2),* "Vice/brothels", 1 Januari 1970 hingga 30 Jun 1970.

[84]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan,PR 35/41(2)*, "Pelacuran", 7 Februari 1974.

[85]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan,PR 35/41(2),* "Sindikit Pelacuran", 21 March 1975.

[86]*Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 (Akta 106).*

[87]*S. 19(1).*

[88] *S. 8(6)* dan *S.16(1).*

[89]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41(2),* "Vice/brothels", 1 Januari 1970 hingga 30 Jun 1970.

[90]*Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, PR 35/41 (1)*, "Pelacur-pelacur dari negara luar Malaysia", 8 Mei 1974.

[91]Ibid.

[92]Haryati Hasan, "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an", hlm. 111-114.

[93]Ibid., hlm. 241.

[94]Ibid.

[95]Ibid., hlm. 242. Lihat juga *PPUUNK, L.A.T. 2/54/J/15*,"Prostitution in Kelantan: Penyata Jawatankuasa Terpilih bagi Mengawal Akhlak", 5 Disember 1956, hlm. 2.

[96]Abdul Hadi Zakaria, *Pelacur dan pelacuran di Malaysia*, Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1980, hlm. 9.